



---

## **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**17 MAC 2023 (JUMAAT)**



---

---

## **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

---

**17 MAC 2023 (JUMAAT)**



Oleh Hafiz Ithnin  
 hafizithnin@mediaprima.com.my

Subang Jaya

Rangkaian pemborong dan peruncit terbesar tempatan, Mydin terus menyokong usaha kerajaan bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat menerusi pengenalan inisiatif Mydin Rahmah.

Mydin Rahmah dilihat sebagai inisiatif yang baik bukan sahaja dapat membantu rakyat yang memerlukan untuk pembelian barang keperluan dan sambutan perayaan, malah mampu meningkatkan jualan gedung belah-belah berkenaan.


Pengarah Urusan Mydin Datuk Wira Dr Ameer Ali Mydin berkata, terdapat tiga tonggak utama dalam inisiatif Mydin Rahmah itu.

Menurutnya, yang pertama adalah Menu Rahmah dan di Mydin kebiasaannya mempunyai satu menu yang sentiasa ditukar setiap hari bagi memberi kepelbagaian selera kepada pembeli di Bahagian Ready To Eat.

"Menu yang ditawarkan pula dijual pada harga RM2.50 untuk sarapan pagi dan RM4.90 untuk satu set menu makan tengah hari dan malam supaya pembeli mampu untuk menikmati juadah yang kita sediakan."

"Bezanya pada Ramadan kali ini, bazar Ramadan Rahmah menawarkan pelbagai pilihan juadah menu Rahmah yang dijual pada harga di bawah RM4.90," katanya.

Beliau berkata, pihaknya memahami bahawa orang ramai memerlukan atau mencari pelbagai menu untuk berbuka puasa ketika Ramadan.



ORANG ramai memilih baju raya di tapak Jualan Rahmah di Mydin USJ. - Gambar NSTP/AZIAH AZMEE

## Tiga tonggak inisiatif Mydin Rahmah

*Peruncit besar tempatan bantu ringan beban kos sara hidup rakyat menerusi Menu Rahmah, Jualan Rahmah, Bakul Rahmah*

"Jadi, kami tawarkan harga yang mampu milik untuk makanan lain seperti kuih-muih yang dijual pada harga RM2.50 supaya mereka yang memerlukan dapat menikmati kemanisan berbuka puasa seperti golongan yang berkemampuan," katanya.

"Contohnya pada Ramadan ini, kita tahu baju raya sempena Aidilfitri pastinya menjadi buruan ramai dan Mydin menyediakan kira-kira 10,000 pasang baju Melayu dan baju kurung untuk semua peringkat usia."

"Harga yang tawarkan pulalah untuk setiap pasang adalah serendah RM30 berbanding harga asal untuk baju Melayu dewasa dijual pada

gi pengguna dan dijual pada harga amat berpatutan.

"Contohnya pada Ramadan ini, kita tahu baju raya sempena Aidilfitri pastinya menjadi buruan ramai dan Mydin menyediakan kira-kira 10,000 pasang baju Melayu dan baju kurung untuk semua peringkat usia."

"Harga yang tawarkan pulalah untuk setiap pasang adalah serendah RM30 berbanding harga asal untuk baju Melayu dewasa dijual pada

harga RM79 atau kanak-kanak RM59, tetapi kami menjualnya pada harga yang cukup berpatutan," katanya.

Ameer berkata, meskipun harga yang ditawarkan aman berbaloi untuk dimiliki tetapi dari segi kualiti, Mydin sentiasa memastikan ia dalam keadaan bermutu dan mengikut trend semasa.

"Menjalur pada harga rendah bukan bermakna tidak berkualiti, tetapi kami ingin membantu orang ramai me-

nikmati keindahan sambutan Syawal dengan membeli pakaian raya pada harga yang berbaloi," katanya.

Mengenai inisiatif ketiga Mydin Rahmah, Ameer berkata, pihaknya akan menyumbang Bakul Rahmah berbentuk barang keperluan dengan nilai keseluruhan RM100,000 untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan.

"Kami bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub (tengah) dan Ameer membantu pengunjung memilih baju raya."

Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup serta Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menyalurkan Bakul Rahmah ini kepada golongan berkecuaan kerana pihak mereka lebih mengetahui latar belakang individu atau keluarga yang layak menerima," katanya.

Menurutnya, pihaknya melihat inisiatif Mydin Rahmah itu bukan sekadar dilaksanakan sempena Ramadan, tetapi boleh diteruskan pada masa akan datang.

Jelasnya, inisiatif itu diambil sebagai tanggungjawab sosial korporat yang mampu memberi pulangan semula kepada rakyat Malaysia yang memerlukan dan banyak menyokong Mydin.

"Mydin berharap inisiatif yang digerakkan bersama rakan-rakan strategik kami ini mampu mengukir senyuman dan meringankan kos perbelanjaan golongan terbatas."

"Pelancaran inisiatif ini sempena Ramadan yang bakal menjelma tidak lama lagi adalah bertepatan kerana ketika itu ramai antara kita yang kurang berkemampuan memerlukan bantuan untuk menyambut perayaan dan dalam masa sama bulan ini adalah bulan yang mulia untuk kita bersedekah," katanya.

Jelasnya lagi, dia juga berharap lebih banyak syarikat korporat akan mengambil langkah yang sama untuk membantu rakyat yang memerlukan.

"Saya amat berharap lebih banyak rakan-rakan korporat yang lain turut serta dalam aktiviti amal seperti ini kerana berkongsi keuntungan dengan orang lain adalah perkara yang baik."

"Saya juga percaya sebenarnya pada ketika ini sudah ada banyak syarikat korporat yang mengambil langkah sama untuk memberi pulangan semula kepada golongan yang memerlukan," katanya.



MENTERI Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub (tengah) dan Ameer membantu pengunjung memilih baju raya.



SALAHUDDIN (tiga dari kiri) bersama Ameer (kiri) melawat Bazar Ramadan Rahmah di Mydin USJ.

## SUSU FORMULA NAIK HARGA

# KPDN akan jumpa syarikat pengeluar

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) akan mendapatkan laporan terlebih dahulu berhubung dakwaan susu formula untuk pesakit kanser mengalami kenaikan harga.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, pihaknya juga akan mengadakan perjumpaan dan libat urus bersama syarikat pengeluar susu formula terbabit.

"Saya ambil maklum rungutan dan rayuan khususnya keluarga pesakit kanser ini. Saya akan mengadakan satu sesi libat urus dengan segera bersama-sama syarikat yang mengeluarkan susu ini.

"Saya akan mengadakan perbincangan dan selepas itu akan keluarkan kenyataan," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Akbar ini kelmarin melaporkan pesakit kanser resah apabila berlakunya kenaikan harga susu formula sejak tahun lalu hingga membebankan mereka.

Kenaikan harga sebanyak RM10 itu didakwa berlaku sejak Disember lalu dan situasi terbabit membuatkan pesakit kanser bimbang jika harga susu berkenaan terus meningkat terutama untuk mereka yang tidak mendapat bantuan.



LAPORAN muka depan Harian Metro, kelmarin.

Ini kerana golongan itu sudah tidak bekerja sekali gus menjadikannya mereka tiada pendapatan untuk membelinya, manakala untuk pesakit kanak-kanak pun, ada kalangan ibu bapa mereka tidak berkemampuan.

Demi kelangsungan hidup, hampir semua pesakit kanser memerlukan susu formula itu, malah ada yang hanya bergantung sepenuhnya dengannya sebagai ganti makanan.

Difahamkan, harga susu itu yang dulunya dijual pada harga RM78 meningkat kepada RM80, RM82, RM88, RM90 dan terkini RM94 secara berperingkat yang se-

carai tidak langsung membebankan pesakit terutama mereka yang tiada sumber pendapatan.



SALAHUDDIN



PELAKSANAAN Menu Rahmah boleh ditambah baik bagi menjamin integriti halal, kebersihan, keselamatan dan kualiti makanan yang dihidangkan kepada rakyat.

## Jangan hina Menu Rahmah

SAUDARA PENGARANG.

**PROGRAM** Menu Rahmah, iaitu satu inisiatif di bawah Payung Rahmah yang digerakkan dengan sokongan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), bersama rakan strategik selepas mengambil kira tekanan rakyat akibat peningkatan pendapatan yang tidak seiring dengan kenaikan kos sara hidup.

Namun, disebalik kemeriahan rakyat menikmati hidangan Menu Rahmah ini, terdapat hinaan dan cercaan yang tidak ‘rahmah’ dari segelintir rakyat Malaysia mahupun ahli politik.

Seorang ahli Parlimen mempersoal inisiatif ini dengan menggambarkannya sebagai makanan berkualiti rendah yang mampu menyebabkan risiko kesihatan seperti penyakit kanser dan autism kepada masyarakat B40. Malah, seorang ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) mempertikaikan hidangan tersebut yang hanya ada seekor ikan, sedikit sayur dan tiada kuah. ADUN tersebut memperlekeh menu berkenaan dengan menuang air oren untuk dijadikan sebagai kuah.

Menurut Imam al-Ghazali Rahimahullah di dalam kitabnya *Ihya' Ulumiddin*, seorang Muslim seharusnya berpuas hati dengan makanan diperoleh pada masa ini. Jangan mengkritik makanan yang dihidangkan jika tidak digemari, tidak boleh dimakan atau tidak kelihatan memikat. Sebaliknya, diam atau pilih untuk tidak memakan makanan tersebut.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan Menu Rahmah boleh ditambah baik bagi menjamin integriti halal, kebersihan, keselamatan dan kualiti makanan yang dihidangkan kepada rakyat. Makanan yang halal dan dianggap selamat adalah makanan yang bebas daripada bakteria patogen, racun, toksin serta bebas daripada najis mahupun bahan buangan lain.

Atas sebab ini, peniaga Menu Rahmah perlu memastikan bahawa penyediaan, pemprosesan makanan yang bermula dari penerimaan bahan mentah sehingga ke hidangan siap adalah bersih dan selamat.

Proses ini memerlukan jaminan amalan pengendalian makanan yang bersih, menjaga kebersihan diri, mengekalkan persekitaran premis yang bersih, mengekalkan peralatan pemprosesan makanan yang sesuai dan bersih serta mengekalkan kaedah dan bekas yang selamat untuk menyimpan makanan.

Malah, semua peniaga makanan diwajib mendapat latihan pengendalian makanan daripada sekolah latihan pengendalian makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan. Hal ini supaya mereka dapat memahami keperluan kebersihan dan keselamatan makanan mengikut keperluan undang-undang yang digariskan dalam Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

**MUHAMMAD IRHAMMUDIN IBRAHIM**  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur

# Pasukan Jihad Tangani Inflasi tak diterus

**Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi** tidak akan diteruskan susulan kegagalan jawatankuasa itu menurunkan kadar inflasi di negara ini.

Perkembangan itu dimaklumkan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh, pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

"Kadar inflasi sama dari tahun lalu hingga sekarang, namun kita lihat ada sedikit pengurangan dari segi peningkatannya tahun ini.

"Justeru, kita tidak teruskan mesyuarat, lagi pun tidak efektif mesyuarat diadakan dua kali seminggu," katanya ketika menjawab soalan tambahan Tan Kar

Hing (PH-Gopeng) mengenai perkembangan dan keberkesanan pasukan khas itu membantu menangani cabaran peningkatan kos sara hidup.

Pasukan berkenaan ditubuhkan ketika pentadbiran bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, bertujuan membantu rakyat menghadapi cabaran peningkatan kos sara hidup, pada 29 Jun tahun lalu.

Menjawab soalan tambahan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (PN-Arau), Fuziah berkata, cadangan menarik balik kenaikan



Fuziah Salleh

tarif elektrik dalam kalangan industri tidak membantu menurunkan harga barang.

"Sebaliknya, kita perlu bantu rakyat meningkatkan kuasa belanja.

"Itu sebabnya inisiatif Jualan Rahmah dan Menu Rahmah diperkenal kerana ia membantu menurunkan kadar peningkatan makanan bermasak di luar rumah," katanya.

Mengenai Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), beliau berkata, beberapa inisiatif dirangka dengan tumpuan

terhadap usaha menangani inflasi dan kenaikan harga barang dan perkhidmatan, selain meningkatkan pendapatan rakyat.

"Kos sara hidup rakyat bukan hanya persoalan bahan mentah, makanan dan minuman tetapi kos pelbagai dimensi meliputi makanan dan minuman bukan alkohol, perumahan, pengangutan, utiliti, pendidikan serta kesihatan.

"NACCOL menjangkakan dalam tempoh enam hingga 12 bulan, kerajaan dapat memperincikan hala tuju jangka panjang terutama berhubung meningkatkan pendapatan dan pelaksanaan subsidi bersasar secara efisien," katanya.

## Jihad against Inflation task force disbanded

THE Special Task Force on Jihad against Inflation has been disbanded, says Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Fuziah Salleh.

"The meetings (held by the task force) that took place twice a week were ineffective.

"Therefore the task force is discontinued," she said during Question Time yesterday.

She was responding to a supplementary question raised by Tan Kar Hing (PH-Gopeng) who asked whether the task force was still active and effective.

The special task force, set up in June last year, was led by former communications and multimedia minister Tan Sri Annuar Musa.

Earlier, Fuziah said under the unity government, a special task

force set up to monitor and implement measures to tackle the rising cost of living has been established.

"It is meant to streamline the implementation of strategies and action plans to address the cost of living issues more effectively."

She added that the consumer price index has shown a lower rise in inflation in January compared to

the same period last year.

For temporary measures to fight inflation, the government has introduced several approaches under the Rahmah initiative, she noted.

"This is a short-term measure to assist the people while we address the need to increase salaries so that Malaysians can have better spending power," she said.

## Divorcee 'grateful' for Menu Rahmah meals

**KUALA LUMPUR:** Five ringgit may seem like a small sum to some people but for others like Low Ah Heng, it can make a difference to their daily expenses.

The 45-year-old e-hailing driver is grateful for the government's Menu Rahmah initiative, that was implemented on Jan 31, as it has helped him to have balanced meals at a low price of RM5 as well as cope with the rising cost of living.

Low, a divorcee with three children, earns about RM2,000 a month and has to care for his ailing mother who lives with him.

Therefore, he has to be very frugal in his spending.

"People say it's more economical to cook at home and pack some food for lunch but I'm usually busy attending to my sick mother's

needs in the morning, so I have no time to cook."

"I used to spend about RM20 to buy two meals for my mother and I comprising rice, vegetables and chicken or fish. But now that Menu Rahmah is available, I can buy two balanced meals for RM10."

Low said when Menu Rahmah was introduced, it was only available at Malay restaurants but other eateries have since jumped on the bandwagon.

"Now, I can get the RM5 meals not only at the 'mamak' but also at Chinese restaurants."

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub had said previously that the Menu Rahmah concept was welcomed by all communities, adding that Indian food operators were

among the first to come forward in support.

Universiti Malaya Department of Anthropology and Sociology senior lecturer Major Dr Syed Abdul Razak Sayed Mahadi said the issue that Menu Rahmah caters to a certain race only should not arise at all as Malaysians eat more or less the same food.

Last week, McDonald's Malaysia launched its Menu Rahmah offerings, pricing some of its most popular meals at RM5 each.

Syed Abdul Razak said: "McDonald's is a very popular brand and liked by many people, not just the Malays but the Chinese and Indians as well as people from other ethnic groups. By offering some of its meals at such a low price, students and low-income earners can also enjoy the fast food chain's offerings." – Bernama

## Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi tidak diteruskan

**Kuala Lumpur:** Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi yang ditubuhkan tahun lalu di bawah pentadbiran bekas Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob tidak diteruskan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Fuziah Salleh berkata, ini kerana ia tidak memberikan kesan terhadap penurunan kadar inflasi di negara ini.**

"Kalau kita tengok kadar inflasi (adalah) sama daripada tahun lepas hingga sekarang, cuma tahun ini, kita lihat ada sedikit pengurangan dari segi peningkatannya (kadar inflasi).

"Jadi kita tidak teruskan mesyuarat, lagi pün tidak efektif mesyuarat diadakan dua kali seminggu. Jadi tiada penerusan dari segi jawatankuasa (pasukan) tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Tan Kar Hing (PH-Gopeng) pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat semalam yang ingin tahu

sama ada pasukan khas itu masih wujud dan sejauh mana keberkesanannya dalam membantu rakyat menangani cabaran peningkatan kos sara hidup.

Pasukan itu ditubuhkan pada 29 Jun tahun lalu bagi membantu rakyat menghadapi cabaran peningkatan kos sara hidup.

Kepada soalan tambahan daripada Datuk Seri Shadidan Kasim (PN-Arau), sama ada kerajaan bercadang untuk menarik balik kenaikan tarif elektrik yang dikenakan terhadap pengguna bervoltan sederhana (MV) dan tinggi (HV) dalam kalangan industri bagi membolehkan harga barang diturunkan, Fuziah berkata langkah berkenaan tidak akan membantu.

"Sebaliknya kita perlu bantu rakyat meningkatkan kuasa belanja. Sebab itu inisiatif Jualan Rahmah dan Menu Rahmah dilakukan kerana ia membantu menurunkan kadar peningkatan makanan bermasak di luar rumah," katanya.

## CAP gesa KPDN ambil tindakan peniaga guna penimbang tidak tepat

**Georgetown:** Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) mengambil tindakan terhadap peniaga di pasar basah yang menggunakan alat penimbang berat mekanikal tidak tepat (timbang dua muka) bagi menipu pengguna.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader berkata, tinjauan CAP ke beberapa pasar basah di negeri ini baru-baru ini, mendapati alat penimbang berat yang memaparkan pelekat penentu ukur tidak di-

tunjukkan kepada pengguna.

Kata Mohideen, sepatutnya pelekat penentu ukur itu perlu dilihat pengguna supaya mereka pasti dengan ketepatan alat penimbang berat berkenaan dan jika ia sesuai diguna bagi perniagaan.

"Selain itu pelekat penentu ukur, CAP juga mendapati alat penimbang berat yang digunakan kebanyakannya kurang mempuaskan memandangkan jarum petunjuk tidak bermula daripada sifar.

"Ada kalanya jarum pada permukaan plastik yang telus itu juga

kotor menyebabkan bacaan pada jarum berkenaan sukar dilihat," katanya, semalam.

Mengulas lanjut, Mohideen berkata, peniaga perlu menghantar alat penimbang berat mereka bagi penentuan ukur setiap tahun mengikut Akta Timbang dan Sukat 1972.

Katanya, kementerian perlu mempertimbangkan dengan serius bagi mencetak tahun penentu ukur dalam huruf terang yang besar pada pelekat penentu ukur untuk memudahkan pengguna membacanya.

"Mereka juga perlu diingatkan bahawa bahagian alat penimbang dengan pelekat penentu ukur perlu dipamer dengan jelas di depan pengguna.

"Kementerian juga perlu memastikan bahawa setiap pasar mempunyai dua alat penimbang berat yang mana satu daripadanya digunakan bagi barang halal untuk pengguna mengesah-

kan berat barang mereka jika meraguinya.

"Nombor untuk dihubungi juga perlu dise diak di tempat alat penimbang berat supaya pengguna boleh membuat aduan berhubung kekurangan berat, kenaikan harga barang utama atau amalan perniagaan yang tidak sihat," katanya.

MOHIDEEN



## Pasukan Khas Jihad dihentikan

**KUALA LUMPUR** - Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi yang ditubuhkan tahun lepas di bawah pentadbiran bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob tidak diteruskan pada Khamis.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, ini kerana ia tidak memberikan kesan terhadap penurunan kadar inflasi di negara ini.

"Kalau kita tengok kadar inflasi (adalah) sama dari tahun lepas hingga sekarang, cuma tahun ini, kita lihat ada sedikit pengurangan dari segi peningkatannya (kadar inflasi).

"Jadi, kita tidak teruskan me-

syuarat, lagi pun tidak efektif mesyuarat diadakan dua kali seminggu. Jadi, tiada penerusan dari segi jawatkuasa (pasukan) tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan **Tan Kar Hing (PH-Gopeng)** pada sesi soal jawab yang ingin tahu sama ada pasukan khas itu masih wujud dan keberkesanannya dalam membantu rakyat menangani cabaran peningkatan kos sara hidup.

Pasukan tersebut ditubuhkan pada 29 Jun tahun lepas bagi membantu rakyat menghadapi cabaran peningkatan kos sara hidup - Bernama



Fuziah menjelaskan Pasukan Khas jihad tidak diteruskan kerana kadar inflasi tahun ini tiada perbezaan dengan tahun lepas. - Bernama



LORI tangki dengan muatan 8,000 liter diesel ditemui di lokasi.

**RISIKAN TUJUH HARI KPDN**

# 21,000 liter diesel dirampas

Oleh Zatul Iffah  
Zolkifly  
zatuliffah@hmetro.com.my

Dungun

**R**isikan selama seminggu oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Terengganu berjaya mengesan satu aktiviti mencurigakan pemilikan diesel di tapak projek pembinaan di Kuala Dungun di sini, kelmarin.

Berikut itu, empat pegawai penguat kuasa KPDN menjalankan serbuan merentasi Ops Tiris dan merampas 21,000 liter diesel, sebuah lori tangki dan sebuah skid tank membabitkan rampasan bernilai

RM102,580. Selain itu, seorang lelaki yang dipercayai penyelia tapak berusia 30-an turut ditahan dalam serbuan pada jam 11.40 pagi.

Pengarah KPDN Terengganu Saharuddin Mohd Kia berkata, serbuan itu dijalankan selepas pihaknya mengesan aktiviti mencurigakan kerana memiliki atau ada dalam kawalan barang kawalan iaitu diesel dalam keadaan yang menimbulkan syak untuk melakukan kesalahan.

Beliau berkata, pemeriksaan lanjut di lokasi kejadian menemukan sebuah

**“Terdapat sebanyak 13,000 liter diesel di dalam skid tank**  
Saharuddin



ANGGOTA penguat kuasa KPDN memeriksa skid tank berisi diesel.

lori tangki dan skid tank berisi diesel.

“Dianggarkan terdapat sebanyak 13,000 liter diesel di dalam skid tank dan 8,000 liter lagi diesel di dalam lori tangki berkenaan.

“Aktiviti risikan yang dijalankan selama satu minggu ini berjaya membongkarkan kegiatan me-

nyalahi undang-undang ini,” kata dalam satu kejayaan di sini, semalam.

Menurutnya, lelaki terbabit ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 yang memperuntukkan denda sehingga RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi pesalah individu.

Katanya, hukuman ke atas syarikat pula adalah denda tidak melebihi RM2 juta, jika sabit kesalahan.



---

---

## **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

---

**17 MAC 2023 (JUMAAT)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 17 MAC 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
17-Mar	KPDN Pulau Pinang terima 424 aduan pengguna dalam tempoh kurang 3 bulan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/946274/kpdn-pulau-pinang-terima-424-aduan-pengguna-dalam-tempoh-kurang-3-bulan">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/946274/kpdn-pulau-pinang-terima-424-aduan-pengguna-dalam-tempoh-kurang-3-bulan</a>	HM
17-Mar	Mydin, MBSB Bank jalin kerjasama	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/946270/mydin-mbsb-bank-jalin-kerjasama">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/946270/mydin-mbsb-bank-jalin-kerjasama</a>	HM
17-Mar	Pengguna ditipu alat penimbang berat tidak tepat	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/pengguna-ditipu-alat-penimbang-berat-tidak-tepat/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/pengguna-ditipu-alat-penimbang-berat-tidak-tepat/</a>	UM
17-Mar	Ops Tiris: KPDN tahan lelaki bersama 21,000 liter minyak diesel	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/249957">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/249957</a>	SH
17-Mar	Widening Rahmah initiatives	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/16/widening-rahmah-initiatives">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/16/widening-rahmah-initiatives</a>	THESTAR
17-Mar	Menu Rahmah idea tak masuk akal yang meletup	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/249906">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/249906</a>	SH
17-Mar	Food supply enough for Ramadan - Mat Sabu	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/03/889733/food-supply-enough-ramadan-mat-sabu">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/03/889733/food-supply-enough-ramadan-mat-sabu</a>	NST
17-Mar	45 stesen minyak dekat sempadan antara kesukaran banteras penyeludupan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/946296/45-stesen-minyak-dekat-sempadan-antara-kesukaran-banteras-penyeludupan">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/946296/45-stesen-minyak-dekat-sempadan-antara-kesukaran-banteras-penyeludupan</a>	HM
17-Mar	KPDN tahan seorang lelaki, rampas 21,000 liter diesel subsidi	<a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/59433-kpdn-tahan-seorang-lelaki-rampas-21-000-liter-diesel-subsidi">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/59433-kpdn-tahan-seorang-lelaki-rampas-21-000-liter-diesel-subsidi</a>	BERITARTM

17-Mar	Bekalan sayur, ayam, telur terkawal dan mencukupi menjelang Ramadan – Salahuddin	<a href="https://tvstv.my/2023/03/16/bekalan-sayur-ayam-telur-terkawal-dan-mencukupi-menjelang-ramadan-salahuddin/">https://tvstv.my/2023/03/16/bekalan-sayur-ayam-telur-terkawal-dan-mencukupi-menjelang-ramadan-salahuddin/</a>	TVSTV
17-Mar	Bekalan sayur, ayam, telur terkawal dan mencukupi menjelang Ramadan - Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/bekalan-sayur-ayam-telur-terkawal-dan-mencukupi-menjelang-ramadan-salahuddin-411132%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/bekalan-sayur-ayam-telur-terkawal-dan-mencukupi-menjelang-ramadan-salahuddin-411132%3famp=1</a>	ASTROAWANI
17-Mar	Salahuddin: Sufficient supply of vegetables, chickens, eggs, ahead of Ramadan	<a href="https://www.thesundaily.my/local/salahuddin-sufficient-supply-of-vegetables-chickens-eggs-ahead-of-ramadan-EA10761027">https://www.thesundaily.my/local/salahuddin-sufficient-supply-of-vegetables-chickens-eggs-ahead-of-ramadan-EA10761027</a>	THESUNDAILY
17-Mar	Salahuddin: Food supply Sufficient for Ramadan, Raya despite recent floods	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/03/16/salahuddin-ayub-food-supply-sufficient-for-ramadan-raya-despite-recent-floods/59982">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/03/16/salahuddin-ayub-food-supply-sufficient-for-ramadan-raya-despite-recent-floods/59982</a>	MALAYMAIL
17-Mar	Sayur cukup tampung permintaan - Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/946462/sayur-cukup-tampung-permintaan-salahuddin">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/946462/sayur-cukup-tampung-permintaan-salahuddin</a>	HM
17-Mar	Food supply is sufficient despite some farms destroyed in floods, says Salahuddin	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/16/food-supply-is-sufficient-despite-some-farms-destroyed-in-floods-says-salahuddin">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/16/food-supply-is-sufficient-despite-some-farms-destroyed-in-floods-says-salahuddin</a>	THESTAR
17-Mar	Bekalan makanan asas cukup menjelang Ramadan, hari raya	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/250018">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/250018</a>	SH
17-Mar	Bekalan sayur, ayam, telur terkawal dan mencukupi menjelang Ramadan	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2173763">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2173763</a>	BERNAMA

17-Mar	sufficient supply of vegetables, chickens, eggs aheads of Ramadan	<a href="https://bernama.com/en/news.php?id=2173809">https://bernama.com/en/news.php?id=2173809</a>	BERNAMA
17-Mar	KPDN, MAFS bekerjasama pastikan bekalan asas cukup	<a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/59443-kpdn-mafs-bekerjasama-pastikan-bekalan-asas-cukup">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/59443-kpdn-mafs-bekerjasama-pastikan-bekalan-asas-cukup</a>	BERITARTM
17-Mar	Kaedah, dasar pelaksanaan subsidi bersasar diumum tahun ini	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/250071">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/250071</a>	SH
17-Mar	KPDN akan terjah bazar Ramadan, pantau harga	<a href="https://youtu.be/E2TzZpq3jcl">https://youtu.be/E2TzZpq3jcl</a>	BH
17-Mar	KPDN akan terjah bazar Ramadan, pantau harga	<a href="https://youtu.be/ZWkUoxwfITw">https://youtu.be/ZWkUoxwfITw</a>	HM
17-Mar	Detailed mechanism on targeted subsidies to be announced after mid-2023, says deputy minister	<a href="https://www.theedgemarkets.com/node/659533">https://www.theedgemarkets.com/node/659533</a>	THEEDGE MARKETS
17-Mar	Detailed mechanism on targeted subsidies after mid-2023 — Deputy minister	<a href="https://selangorjournal.my/2023/03/detailed-mechanism-on-targeted-subsidies-after-mid-2023-deputy-minister/">https://selangorjournal.my/2023/03/detailed-mechanism-on-targeted-subsidies-after-mid-2023-deputy-minister/</a>	SELANGOR JOURNAL
17-Mar	Kaedah, dasar pelaksanaan subsidi bersasar diumum tahun ini	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/250071">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/250071</a>	SH

17-Mar	Detailed mechanism on targeted subsides after mid 2023	<a href="https://bernama.com/en/general/news.php?id=2173825">https://bernama.com/en/general/news.php?id=2173825</a>	BERNAMA
17-Mar	KPDN laksana Op Terjah pantau harga di bazar Ramadan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-laksana-op-terjah-pantau-harga-di-bazar-ramadan-411128%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-laksana-op-terjah-pantau-harga-di-bazar-ramadan-411128%3famp=1</a>	ASTROAWANI
17-Mar	KPDN laksana Op Terjah pantau harga di bazar Ramadan	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2173735">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2173735</a>	BERNAMA
17-Mar	Tiga tonggak inisiatif Mydin Rahmah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/946551/tiga-tonggak-inisiatif-mydin-rahmah">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/946551/tiga-tonggak-inisiatif-mydin-rahmah</a>	HM
17-Mar	KPDN tumpaskan kegiatan seleweng minyak diesel di Nilai	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/kpdn-tumpaskan-kegiatan-seleweng-minyak-diesel-di-nilai/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/kpdn-tumpaskan-kegiatan-seleweng-minyak-diesel-di-nilai/</a>	UM
17-Mar	KPDN foils subsidised diesel embezzlement in Nilai	<a href="https://bernama.com/en/news.php?id=2173803">https://bernama.com/en/news.php?id=2173803</a>	BERNAMA
17-Mar	Ops Tiris: 2 individu ditahan ketika pindah diesel	<a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/ops-tiris-2-individu-ditahan-ketika-pindah-diesel/">https://www.buletintv3.my/jenayah/ops-tiris-2-individu-ditahan-ketika-pindah-diesel/</a>	BULETINTV3
17-Mar	KPDN patah cubaan seludup 21,000 liter diesel bersubsidi	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/03/16/kpdn-patah-cubaan-seludup-21000-liter-diesel-bersubsidi/">https://www.kosmo.com.my/2023/03/16/kpdn-patah-cubaan-seludup-21000-liter-diesel-bersubsidi/</a>	KOSMO
17-Mar	KPDN serbu premis di Nilai disyaki seleweng diesel subsidi	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/250034">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/250034</a>	SH